

## Lepas pulangkan pingat, Dr M ajak Siti Hasmah tonton wayang

MalaysiaKini.com

11 Disember, 2017

Selepas memulangkan kembali dua pingat yang diterimanya daripada Sultan Selangor, agaknya apakah tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad?

Mengeluarkan kenyataan ringkas, ataupun rencana panjang di blognya, berhubung tindakannya itu? Atau barangkali diam sekejap, menunggu keadaan kembali tenang?

Tidak.

Beliau merancang untuk keluar menonton wayang bersama isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

"Merancang untuk keluar 'dating' bersama Hasmah. Dia bersama saya susah dan senang.

"Filem apa yang patut kami tonton?" katanya di Twitter, kira-kira pada pukul dua petang tadi.

Setakat ini, twit tersebut sudah mendapat lebih 2,000 retweet dan 3,808 like. Posting sama di Facebook pula mendapat lebih 20,000 like dan dikongsi 500 pengguna lain.

Posting tersebut dibuat beberapa jam selepas beliau dan Siti Hasmah dilaporkan [memulangkan kembali](#) darjah kebesaran kepada seorang pegawai Istana Bukit Kayangan di Shah Alam Khamis lalu.

Difahamkan dua pingat yang dikembalikan pengerusi Parti Pribumi Bersat Malaysia (BERSATU) itu masing-masing diterima daripada sultan Selangor pada 1978 dan 2003, dan satu daripadanya yang tertinggi di negeri itu.

Pingat Dr Siti Hasmah yang dikembalikan pula adalah yang diterimanya pada 1983 dan 1994, membabitkan Darjah Datuk Paduka Mahkota Selangor dan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor.

Mengesahkan perkara itu, Pengerusi Biro Strategi dan Dasar BERSATU Datuk Rais Hussin berkata ia dibuat atas pertimbangan Mahathir sendiri.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut berhubung sebab tindakan tersebut, sebaliknya hanya berkias, "sudah gaharu cendana pula".

Baru-baru ini, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam wawancara bersama *The Star* mengkritik bekas perdana menteri yang mentadbir negara selama 22 tahun itu.

Isu pertama berhubung kenyataan Mahathir yang mengaitkan masyarakat [Bugis dengan lanun](#).

Baginda turut bertitah yang Mahathir kini berusaha menghancurkan parti yang telah meletakkannya di tampuk kuasa selama lebih dua dekad, dan akan "[membakar seluruh negara](#) dengan api kemarahannya".

*Malaysiakini* sudah menghubungi Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani.

**Copyright © 1999-2016 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/405106>